

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
PENGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA,
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020

SOALAN

**TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta MENTERI
SUMBER MANUSIA menyatakan**

- (a) Adakah benar bahawa Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) akan menjual bangunan mereka di Bukit Damansara dan membeli bangunan baru di tempat yang lain; dan
- (b) Adakah kajian telah dilakukan untuk memastikan ini adalah keputusan yang tepat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi memastikan segala keperluan dan operasi syarikat bergerak seiring dengan perkembangan semasa, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) sedang membuat kajian perbandingan (*benchmarking*) dengan beberapa negara maju dan negara serantau. Kajian perbandingan dengan badan seumpama PSMB di negara lain serta keperluan- keperluan badan kemahiran latihan seumpamanya sedang dijalankan bagi memastikan PSMB mempunyai kelengkapan dan fasiliti bertaraf antarabangsa. Kelengkapan fasiliti yang dimaksudkan adalah seperti bilik latihan, bilik asrama dan bilik makmal keperluan IR4.0. Ini adalah sejajar dengan peranan PSMB sebagai sebuah institusi pemegang amanah yang diberikan mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan tenaga kerja tempatan yang berwibawa dengan peranan makro PSMB dalam memastikan pembangunan modal insan tempatan yang berkualiti melalui program pensijilan latihan berkemahiran tinggi yang cekap.
2. Sebarang keputusan dibuat akan berdasarkan keperluan dan untuk mengurangkan kos operasi bagi pihak PSMB dan kumpulan sasarannya serta pihak berkepentingan yang berkaitan. Buat masa ini, belum ada sebarang keputusan dibuat memandangkan kajian masih sedang berjalan. Keputusan untuk membeli atau menjual sebarang aset hanya akan dibuat setelah selesai proses kajian serta penilaian dari semua sudut pro dan kontra telah diambil kira.
3. Pada masa ini, bangunan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di Bukit Damansara tidak dijual dan operasi masih berjalan seperti biasa.

Sekian, terima kasih.